

**15. KEBENARAN UNTUK MEMBUAT PINDAAN KEPADA PELAN YANG DILULUSKAN SEBELUM KELULUSAN PELAN PINDAAN**

Bagi menentukan kerja dijalankan berterusan di atas tapak, pindaan-pindaan atau pengubahsuaian kecil berhubung dengan pembinaan bangunan di bawah pelan yang diluluskan boleh diteruskan dan pelan untuk kelulusan liputan boleh dikemukakan kepada Majlis kemudiannya tanpa mengenakan bayaran penalti dengan syarat perubahan daripada pelan bangunan yang diluluskan terhad kepada 'shell' bangunan sahaja dan tertakluk kepada arkitek yang berkenaan berjanji kepada Majlis bahawa pindaan atau pengubahsuaian yang dibuat memenuhi kehendak-kehendak Undang-undang Kecil dan beliau bertanggungjawab sepenuhnya bagi kerja-kerja yang dijalankan. Walau bagaimanapun, pelan pindaan terakhir yang menunjukkan bangunan-bangunan sepertimana dibina mestilah diluluskan oleh Majlis sebelum Sijil Penghunian dapat dikeluarkan. Syarat ini tidak akan terpakai dalam kes rumah-rumah yang mana Sijil Penghunian telah dikeluarkan.

*(Diluluskan pada 28-6-79)*